

EDISI
FEB 2026



Untuk
layari laman
sesawang wadah
imbas kod QR ini.

JOM SCAN



NAHDAH

BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA



TINTA PRESIDEN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KEPEMIMPINAN: AMANAH, UJIAN, DAN ANUGERAH ILAHI DALAM MENDEPANI CABARAN GENERASI DIGITAL

**OLEH: DATO' HAJI AHMAD AZAM
AB RAHMAN**

Presiden Wadah Pencerdasan Umat
Malaysia (WADAH)

KEPEMIMPINAN SEBAGAI AMANAH & PERTANGGUNGJAWABAN

Dalam Islam, kepemimpinan bukanlah simbol kemuliaan peribadi, tetapi tanggungjawab suci yang akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT. Al-Qur'an meletakkan asas kepemimpinan dalam dua prinsip utama: Amanah dan Keadilan.

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia, hendaklah kamu menetapkannya dengan adil.”

(Surah an-Nisā' 4:58)

Ayat ini menegaskan bahawa kepemimpinan bukan hak milik individu atau kumpulan, tetapi tanggungjawab Ilahi yang mesti ditunaikan dengan penuh integriti. Setiap pemimpin akan dipersoalkan tentang niat dan kejujurannya dalam memikul amanah ini:

“Dan tahanlah mereka, sesungguhnya mereka akan ditanya.”

(Surah aş-Şaffāt 37:24)

Kesedaran ini akan membentuk watak pemimpin yang sentiasa bermuhasabah. Menurut Almarhum Dato' Dr Siddiq Fadzil, pemimpin dakwah mesti hidup dengan kesedaran akhirat kerana tanpa dimensi ini, kepemimpinan mudah terjerumus menjadi projek duniawi yang kehilangan roh perjuangan.

Kepemimpinan Sebagai Ujian: Kuasa, Ego, dan Godaan

Allah SWT menegaskan bahawa hubungan antara pemimpin dan pengikut adalah medan ujian yang menuntut kesabaran:

“Dan Kami jadikan sebahagian kamu sebagai ujian bagi sebahagian yang lain. Adakah kamu bersabar?”

(Surah al-Furqān 25:20)

Syeikh Hassan al-Banna mengingatkan bahawa kepemimpinan adalah taklif



(bebanan), bukan tashrīf (kemuliaan). Dalam era digital, ujian ini bertambah berat apabila pemimpin mudah terperangkap dalam budaya “viral” dan pencitraan diri. Malah mereka melihat pengaruh media sosial dan angka sokongan maya lebih penting daripada memastikan amanah ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya dan mampu terus sampai ke hati setiap manusia.

KEPEMIMPINAN SEBAGAI PINJAMAN: Kesementaraan Kuasa dan Sunnah Penggiliran

Islam menanam kesedaran bahawa kuasa bukan milik mutlak manusia, melainkan pinjaman Allah yang boleh ditarik bila-bila masa.

“Engkau berikan kekuasaan kepada siapa yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut kekuasaan daripada siapa yang Engkau kehendaki.”

(Surah Āli ‘Imrān 3:26)

Pemimpin yang sedar akan hakikat ini akan lebih terbuka kepada nasihat, teguran, dan syura. Ini hakikat yang dinyatakan oleh Syeikh Dr Yusuf al-Qaradhawi yang menegaskan bahawa benteng daripada kezaliman dan authoritarianisme.

KEPEMIMPINAN SEBAGAI ANUGERAH: Taufiq dalam Perjuangan

Walaupun sarat dengan beban, kepemimpinan tetap merupakan anugerah bagi mereka yang dipilih untuk berkhidmat.

“Dan orang-orang yang berjihad bersungguh-sungguh kerana Kami, pasti Kami akan tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami.”

(Surah al-‘Ankabūt 29:69)

Pesan Almarhum Dato’ Dr Siddiq Fadzil, anugerah ini bukan terletak pada jawatan, tetapi pada peluang berkhidmat dan membina manusia. Rasa syukur kepada anugerah ini diterjemahkan melalui kerja dakwah yang konsisten, bukan sekadar ucapan atau slogan.

SYURA: Teras Legitimasi dan Ketaatan

Syura merupakan asas utama dalam kepemimpinan Islam. Allah SWT memuji orang beriman yang mengamalkannya:

“Dan urusan mereka diputuskan dengan syura di antara mereka.”

(Surah ash-Shūrā 42:38)

Rasulullah SAW sendiri mengamalkan syura walaupun baginda menerima wahyu. Ini membuktikan bahawa kepemimpinan Islam bukan diktator, tetapi kolektif, beradab dan bertanggungjawab. Kepemimpinan yang lahir daripada syura menuntut ketaatan yang sah dan terarah:

“Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah, taatilah Rasul dan ulil amri dalam kalangan kamu.”

(Surah an-Nisā’ 4:59)

Mendepani Generasi Digital Hari Ini

Generasi hari ini hidup dalam limpahan maklumat tetapi sering kali miskin hikmah. Al-Qur’an mengingatkan tentang bahaya mengikuti sangkaan semata-mata:

“Dan kebanyakan mereka tidak mengikuti melainkan sangkaan, sesungguhnya sangkaan itu tidak berguna sedikit pun terhadap kebenaran.”

(Surah Yūnus 10:36)

Kepemimpinan hari ini perlu memahami psikologi generasi ini dan mendekati mereka dengan hikmah, dialog, dan keteladanan.

Pada akhirnya, selagi kepemimpinan diasaskan kepada wahyu, syura, dan akhlak, maka ketaatan menjadi ibadah dan perjuangan dakwah akan terus hidup merentas zaman. Dalam dunia digital yang penuh kebisingan, umat hanya memerlukan pemimpin yang berjiwa Rabbani, berfikiran strategik dan berakhlak tinggi dalam jihad membimbing generasi hari ini menuju pengabdian sejati kepada Allah SWT.

DARI MEJA SETIAUSAHA AGUNG

Di Balik Debu Lembah: Kisah Talut, Jalut, dan Keajaiban Iman



Di celah gersangnya bumi Palestin, ribuan tahun lalu, satu bangsa yang lelah dihimpit kehinaan berdiri di persimpangan takdir. Bani Israil, yang sekian lama kehilangan arah dan Tabut perjanjian mereka, merayu kepada Nabi mereka untuk seorang pemimpin. Maka, turunlah ketetapan langit: Talut dilantik sebagai raja.

Namun, manusia sering terkeliru antara cahaya dan rupa. "Bagaimana dia boleh memimpin kami, sedangkan dia tidak punya harta?" rintih mereka. Mereka lupa bahawa kepimpinan bukan pada emas yang berkilau, melainkan pada ilmu yang luas dan tubuh yang perkasa—anugerah Allah yang menyelimuti jiwa Talut.

Ujian di Pinggir Sungai

Perjalanan menuju medan juang bukan sekadar perbarisan tentera. Ia adalah tapisan iman. Di bawah terik mentari yang membakar tekak, Talut memberi amaran:

"Sesungguhnya Allah akan menguji kamu dengan sebatang sungai. Sesiapa yang meminum airnya, dia bukan pengikutku..."

Ujian itu nampak remeh, namun di situlah tersingkapnya hakikat hati. Ribuan rebah pada nafsu, menghirup air sepuasnya hingga hilang daya juang. Hanya segelintir—sebilangan kecil yang kental jiwanya—berjaya menyeberang dengan bibir yang kering namun hati yang basah dengan zikir.

Takdir di Hujung Lastik

Di lembah peperangan, bayang-bayang gergasi mula menutupi bumi. Jalut melangkah sombong dengan baju besi yang bergemerincing, mencabar sesiapa sahaja untuk bertarung nyawa. Ketakutan mula merayap dalam sanubari tentera Talut.

"Kita tidak akan mampu melawan mereka hari ini," bisik suara-suara ragu.

Namun, di celah-celah barisan itu, bangkit kelompok kecil yang memandang dengan mata mata batin:

"Berapa banyak kumpulan yang sedikit dapat mengalahkan kumpulan yang banyak dengan izin Allah?" (QS. Al-Baqarah: 249)

Lalu, tampillah seorang pemuda bernama Daud. Tanpa pedang yang berat, tanpa zirah yang gah. Berupaya menewaskan Jalut, dengan keyakinan yang menggunung kepada Pencipta semesta. Dengan satu ayunan yang diiringi doa, batu itu meluncur membelah takdir. Jalut tumbang, dan bersamanya tumbanglah keangkuhan yang membelenggu zaman tersebut.

Kisah ini bukan sekadar sejarah peperangan, tetapi cermin buat jiwa kita hari ini bahawa:

1 Kuantiti bukan penentu kemenangan Jangan biarkan diri kita kerdil dan lemah dalam mengengam kebenaran. Allah tidak melihat pada bilangan, tetapi pada ketulusan pergantungan kita kepada-Nya.

2 Disiplin adalah Kunci. Ujian air sungai mengajar kita bahawa mereka yang tidak mampu mengawal nafsu yang kecil, tidak akan pernah mampu memenangkan peperangan yang besar.

3 Kelebihan dalam Ketaatan. Kemenangan Daud membuktikan bahawa kekuatan fizikal hanyalah alat, namun "izin Allah" adalah penentu segala-galanya.

Saat kita merasa kerdil menghadapi "raksasa" masalah dalam hidup, ingatlah lembah itu. Ingatlah bahawa batu yang kecil di tangan orang yang beriman mampu meruntuhkan gunung kesombongan. Kerana pada akhirnya, bukan kita yang membaling, melainkan Allah yang menyampaikannya. "Ya Tuhan kami, limpahkanlah kesabaran kepada kami, kukuhkanlah langkah kami, dan menangkanlah kami atas kaum yang kafir." (Al Baqarah:250)

NAIB PRESIDEN WADAH HADIR KE MESYUARAT AGUNG UNION OF NGO OF ISLAMIC WORLD (UNIW) DI ISTANBUL

ISTANBUL, 20 DISEMBER 2025 - Union of NGO of Islamic World (UNIW), yang menghimpunkan NGO-NGO dari negara-negara Islam seluruh dunia dan berpusat di Istanbul, Turkiye, telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ke-10 bertempat di Akgun Istanbul Hotel pada 20 Disember 2025. Mesyuarat tersebut telah dirasmikan oleh He Davut Gul, Gabenor Istanbul, dan turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan serta Timbalan Menteri Perdagangan Turkiye.

Fokus utama AGM kali ini adalah pemilihan barisan pimpinan utama UNIW, selain membincangkan aktiviti semasa UNIW, khususnya perkembangan bantuan ke Gaza dan Syria. Perwakilan mesyuarat telah bersepakat untuk memilih semula Eyup Akbal sebagai Setiausaha Agung bagi penggal kedua. Selain itu, timbalan Setiausaha Agung turut dikekalkan iaitu Hakan Musab Aydin (Jerman) dan Fauwaz Hasbullah (Malaysia), yang juga merupakan Naib Presiden WADAH.

Antara aktiviti utama yang telah dilaksanakan oleh UNIW pada tahun 2025 termasuk:

- Seminar antarabangsa Social Business pada 5 Julai 2025 di Dhaka, Bangladesh.
- Kunjungan hormat kepada Perdana Menteri interim Bangladesh, TYT Prof. Muhammad Yunus, pada 6 Julai 2025.
- Mesyuarat Majlis di Dhaka dan Istanbul.
- NGO Fest di Istanbul pada 23 Oktober 2025.
- Siri bantuan NGO ke Gaza.

Mesyuarat Agung Tahunan ini memberi peluang kepada negara-negara ahli untuk bertukar pendapat dan berkongsi pengalaman dalam pembangunan umat Islam dari perspektif NGO. Malaysia sentiasa menjadi rujukan kepada kejayaan peranan NGO dalam memperkasa komuniti. Banyak NGO antarabangsa berminat untuk mempelajari kejayaan Malaysia, khususnya di bawah pentadbiran Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

WADAH Malaysia mengucapkan tahniah kepada Sdr. Fauwaz Hasbullah atas perlantikan sekali lagi sebagai Timbalan Setiausaha Agung UNIW bagi penggal kedua.



➤ Sesi pertemuan dan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin NGO.



➤ Sdr. Fauwaz Hasbullah sedang memberi ucapan mewakili NGO antarabangsa.



➤ Datuk Bandar Istanbul memberi ucapan perasmian dan sesi fotografi bersama tetamu kehormat.



➤ Pertemuan pimpinan utama UNIW bersama Perdana Menteri interim Bangladesh.




WADAH KOMITED PERKASA NGO ISLAM: 200 WAKIL HIMPUN TEKAD PERKUKUH INTEGRITI UMMAH



PUTRAJAYA, 4 FEBRUARI 2026 - WADAH menyambut baik penganjuran Program Libat Urus Pembangunan Kapasiti NGO Islam 2026 yang berlangsung di Putrajaya International Convention Centre (PICC) sebagai medan strategik memperkukuh tatakelola dan profesionalisme NGO Islam.

Program anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ini menghimpunkan lebih 200 peserta mewakili 71 NGO Islam dari seluruh negara, termasuk persatuan OKU. Bagi WADAH, kehadiran besar ini mencerminkan kesediaan sektor masyarakat sivil Islam untuk bergerak secara lebih tersusun dan berintegriti dalam mendukung agenda Malaysia MADANI.

WADAH melihat sesi perkongsian panel daripada Malaysia Relief Agency (MRA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Kewangan Malaysia dan MAIWP sebagai peringatan jelas bahawa amanah dan ketelusan adalah asas kepercayaan masyarakat terhadap NGO Islam.



KEANTARABANGSAAN MADINAH NABAWI MENJADI FOKUS DALAM SYARAHAN IDEA MADANI SIRI 10 DI UIAM

GOMBAK, 4 FEBRUARI 2026

-Syarahan Idea MADANI Siri 10 bertajuk “Keantarabangsa Madinah Nabawi: Pembinaan Asas Madani Universal dan Global” telah berlangsung dengan jayanya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Gombak.

Syarahan disampaikan oleh Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar, Rektor UIAM merangkap Penyandang Kursi Al-Ghazali, yang mengupas model Madinah Nabawi sebagai asas pembinaan tamadun berteraskan nilai sejagat, keadilan sosial dan

kesepaduan masyarakat majmuk. Beliau menegaskan bahawa prinsip madani yang diasaskan Rasulullah SAW di Madinah memiliki dimensi antarabangsa yang relevan dalam konteks dunia global masa kini.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Dato’ Haji Ahmad Azam Abd Rahman, sebagai tanda sokongan terhadap wacana intelektual yang memperkukuh gagasan Malaysia MADANI melalui pendekatan ilmu dan tamadun.





BICARA "MANFAAT MADANI" DI SERI AL-HUDA PERKASA PEMAHAMAN MASYARAKAT



GOMBAK, 6 FEBRUARI 2026 - Satu program Bicara Manfaat Madani telah diadakan pada hari Jumaat, 6 Februari 2026, dari jam 3:00 petang hingga 4:30 petang di Dewan Kaca, Kompleks Pendidikan Islam Integratif Seri Al-Huda. Program ini bertujuan memberi pendedahan dan pemahaman kepada masyarakat mengenai pelbagai bantuan dan skim kebajikan yang tersedia, termasuk STR & SARA, ceramah kenegaraan dan idea Madani, Skim Perubatan Madani, Peka 40 (saringan kesihatan), MySalam (elaun wad penyakit kritikal), serta bantuan lesen motosikal B2. Program ini telah dihadiri seramai lebih 40 peserta.

Program ini dianjurkan dengan kerjasama Akademi Kenegaraan Malaysia, WADAH Wilayah Persekutuan, Yayasan EZ Prihatin, dan Pusat Tunas Nahdah Gombak. Melalui taklimat dan ceramah yang disampaikan, peserta diberi peluang memahami manfaat kebajikan dan kemudahan sosial yang disediakan oleh kerajaan dan NGO, sekali gus membina kesedaran untuk memanfaatkan peluang-peluang tersebut dalam kehidupan harian.



SUA WADAH PIMPIN MESYUARAT BULANAN SEKRETARIAT PUSAT DI ANJUNG RAHMAT

SG. MERAB, 9 FEBRUARI 2026 - Azizuddin Ahmad, SUA WADAH Pusat, bersama staf Sekretariat Wadah Pusat telah mengadakan mesyuarat bulanan di Anjung Rahmat untuk mengemaskini perkembangan setiap unit dan menyelaraskan gerak kerja organisasi.

PERTEMUAN STRATEGIK WADAH PULAU PINANG

SEBERANG PERAI UTARA, 10 FEBRUARI 2026 - WADAH Pulau Pinang dan Pusat Tunas Nahdah Permatang Pauh telah mengadakan dwi-kunjung hormat kepada 2 agensi terkait rapat dengan pembangunan komuniti di negeri itu.

Lawatan ke pejabat negeri bagi Akademi Kenegaraan Malaysia dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) ini adalah merupakan resolusi di dalam Pelan Tindakan Tahun 2026 WADAH Pulau Pinang demi meneroka ruang sinergi yang boleh dijalin bersama.





**WADAH PERKUKUH
SINERGI
PENDIDIKAN
DALAM
PERTEMUAN
BERSAMA MENTERI
PENDIDIKAN**

PUTRAJAYA, 10 FEBRUARI 2026 - Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) telah mengadakan satu kunjung hormat kepada Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia, di Ibu Pejabat Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya.

Delegasi WADAH diketuai oleh

Presiden, Ahmad Azam Abdul Rahman, dan turut diiringi oleh Setiausaha Agung WADAH, Azizuddin Ahmad. Pertemuan strategik ini menjadi ruang perbincangan berkaitan usaha memperkukuh agenda pendidikan, pembangunan masyarakat serta penyelarasan peranan masyarakat sivil dalam menyokong ekosistem pendidikan negara.

Pertemuan tersebut turut menzahirkan komitmen WADAH untuk terus bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam memartabatkan pendidikan yang berteraskan nilai, memperkasa pembangunan insan serta menyokong aspirasi pembinaan masyarakat berilmu dan berakhlak selaras dengan gagasan Malaysia MADANI.



**WACANA
PENDIDIKAN
MADANI 2026
BINCANG HALA
TUJU RPM
2026-2035**

IPOH, 11 FEBRUARI 2026 - WADAH Perak telah menghadiri Wacana Pendidikan MADANI 2026: Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026-2035 yang berlangsung di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Perak. Program ini menghimpunkan para pendidik, ahli akademik dan aktivis masyarakat bagi membincangkan hala tuju pembangunan pendidikan negara bagi dekad akan datang.

Wacana ini menjadi platform penting untuk menilai serta bertukar pandangan mengenai perancangan RPM 2026-2035, khususnya dalam memperkukuh sistem pendidikan yang holistik, inklusif dan berteraskan nilai. Perbincangan turut menekankan kepentingan pembangunan insan yang seimbang bagi menghadapi cabaran semasa serta menyumbang kepada kemajuan negara.

JOM DAFTAR
AHLI WADAH



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN MAJLIS MURABBI KE-5 PERKUKUH WACANA DAKWAH DAN SIYASAH

KUALA LUMPUR, 14 FEBRUARI 2026

- WADAH terus memperkukuh jaringan gerakan dakwah apabila beberapa pimpinan organisasi menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Majlis Murabbi Madani (MMM) Kali Ke-5 yang berlangsung di Outreach Oasis, Bukit Bintang. Antara yang hadir ialah Pengerusi Majlis Syura Negeri, Ustaz Hamid Jusoh serta Pengerusi WADAH Wilayah Persekutuan, Haji Mohamad Asri bersama pimpinan dan pemerhati gerakan.



Ucapan dasar telah disampaikan oleh Pengerusi MMM, Ustaz Dr. Abdul Halim Muhammady bertajuk "Strategi Gerakan Jamaah Dalam Mendepani Perubahan dan Memenuhi Keperluan Tuntutan Semasa Dalam Siyasah." Beliau menegaskan bahawa gerakan jamaah yang berteraskan al-Qur'an, al-Sunnah dan ijtihad terus diperkukuh melalui proses tarbiyah berterusan seperti usrah, tamrin serta dakwah bil lisan dan bil hal, yang turut melahirkan pelbagai institusi pendidikan, kebajikan dan ekonomi dalam usaha memperkasa masyarakat.



Sementara itu, Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam Abdul Rahman dalam amanatnya

bertajuk "Malaysia MADANI: Wawasan Al-Qur'an untuk Manusia Sejagat" menegaskan bahawa gagasan Malaysia MADANI berasaskan nilai sejagat al-Qur'an seperti tauhid, keadilan sosial, integriti dan kesaksamaan martabat insan. Program ini telah dihadiri oleh lebih 40 orang ahli MMM dan pemerhati termasuk peserta yang mengikuti secara atas talian.



BENKEL PENGURUSAN JENAZAH PERKASA ILMU FARDU KIFAYAH KOMUNITI BATU PAHAT

BATU PAHAT, 14 FEBRUARI 2026 - Pusat Tunas Nahdah Batu Pahat dengan kerjasama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Sukarelawan Batu Pahat telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Jenazah pada 14 Februari 2026 bertempat di Masjid As-Sakinah.

Program ini bertujuan memberi pendedahan praktikal kepada masyarakat mengenai tatacara pengurusan jenazah menurut tuntutan syariah, merangkumi proses memandikan, mengkafankan serta pengurusan pengebumian. Bengkel ini turut menjadi ruang pendidikan fardu kifayah kepada masyarakat setempat agar lebih ramai individu berkemahiran dapat membantu komuniti apabila berlaku kematian.



WADAH SAMBUT RAMADAN BERSAMA KOMUNITI PPR PERKASA



CHERAS, 16 FEBRUARI 2026 - WADAH melalui aktivisnnya telah bersama komuniti PPR Perkasa, Cochrane, Cheras menganjurkan Majlis Tahlil dan Sambutan Ramadan di lobi Tingkat 9, Blok B. Program ini merupakan inisiatif Ustazah Latipah Johdi, aktivis WADAH/Salwa Wilayah Persekutuan dan guru al-Qur'an PPR Perkasa, dengan kerjasama Surau Babul Khairat Jalan Nakhoda Yusof 2 dan Pusat Tunas Nahdah Wilayah Persekutuan.

Majlis dimulakan dengan persiapan memasak, solat berjemaah, bacaan Yasin, tahlil, tazkirah oleh Ustaz Fakhrol serta ucapan oleh Sdr Megat Mohd Azlan Md Arshad, Exco WADAH Pusat dan Penyelaras PTN Zon Tengah, sebelum diakhiri solat Isyak berjemaah dan jamuan makan malam. Seramai hampir 50 penghuni PPR Perkasa telah menghadiri program.

ZIARAH MAHABBAH WADAH KE ATAS TOKOH PENULIS PEMIKIRAN ISLAM DI JENGA



JENGA, 20 FEBRUARI 2026 - WADAH telah mengadakan ziarah mahabbah ke atas tokoh penulis pemikiran Islam, Ustaz Rasid Muhamad, di kediamannya di Bandar Pusat Jengka. Ziarah tersebut disertai oleh Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, dan Setiausaha Agung WADAH, Azizuddin Ahmad.

WADAH SABAH SERTAI PROGRAM UKHUWAH MADANI RAMADAN PARLIMEN SEPANGGAR

KOTA KINABALU, 21 FEBRUARI 2026 - WADAH Sabah telah menghadiri Program Ukhuwah MADANI Ramadan 1447H/2026 Parlimen Sepanggar yang berlangsung di Masjid Al-Hidayah, Kampung Sabang Numbak. Program tersebut menghimpunkan sukarelawan serta komuniti setempat dalam aktiviti memasak dan mengedarkan 10,000 pek bubur lambuk kepada penduduk sekitar sempena bulan Ramadan.



SIDANG MAJLIS SIASAH JAMAAH WADAH DIADAKAN DI ANJUNG RAHMAT

SUNGAI MERAB, 21 FEBRUARI 2026 - Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) telah mengadakan Sidang Majlis Siasah Jamaah yang berlangsung di bilik mesyuarat Anjung Rahmat, Sungai Merab. Mesyuarat ini menghimpunkan seramai 25 orang peserta yang terdiri daripada pimpinan dan ahli bagi membincangkan perkembangan semasa serta hala tuju gerak kerja jamaah.



WADAH SABAH MERAIKAN RAMADAN BERSAMA PARLIMEN SEPANGGAR

KOTA KINABALU, 22 FEBRUARI 2026 - WADAH Sabah telah menghadiri Program Ukhuwah MADANI Ramadan 1447H/2026 Parlimen Sepanggar yang kali ini diadakan di Masjid Al-Ikhwan, Taman Kuala Menggatal serta Masjid Muhajirin, Kampung Warisan. Program tersebut menghimpunkan jawatankuasa masjid, para belia, NGO serta sukarelawan setempat yang berganding bahu menyediakan dan mengagihkan 10,000 pek bubur lambuk kepada masyarakat sekitar sempena bulan Ramadan.

Program ini merupakan kesinambungan daripada penganjuran yang telah berlangsung sehari sebelumnya di Masjid Al-Hidayah, Kampung Sabang Numbak. Seperti sebelumnya, suasana gotong-royong jelas terserlah apabila para sukarelawan bersama-sama menyediakan bahan masakan, memasak dalam kawah besar serta membungkus bubur lambuk sebelum diagihkan kepada penduduk setempat.



WADAH DAN BERSIH ANJUR DISKUSI MEJA BULAT REFORMASI PERLEMBAGAAN DAN TADBIR URUS NEGARA

KUALA LUMPUR, 24 FEBRUARI 2026 - WADAH bersama BERSIH telah menganjurkan Diskusi Meja Bulat: "Melangkah Ke Hadapan – Reformasi Perlembagaan dan Tadbir Urus untuk Malaysia yang Moden" di Hotel Ideas, Kuala Lumpur. Program ini menghimpunkan para pakar, akademia serta aktivis masyarakat bagi membincangkan agenda reformasi institusi negara ke arah sistem demokrasi yang lebih telus, berintegriti dan matang.



Diskusi ini memberi tumpuan kepada dua isu utama reformasi institusi. Sesi pertama bertajuk "Had Tempoh Perdana Menteri: Kestabilan vs. Demokrasi" membincangkan cadangan pengehadan tempoh jawatan Perdana Menteri, termasuk manfaat dan cabaran terhadap kestabilan politik serta penguatan amalan demokrasi. Panel sesi ini menampilkan Dr. Nizamuddin Alias (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Mr. Wo Chang Xi (Projek SAMA), manakala Dr. Hammad Mohamad Dahalan (UiTM) bertindak sebagai moderator.



Sementara itu, sesi kedua bertajuk “Pengasingan Peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya: Menjamin Keadilan Bebas” mengupas kepentingan memisahkan fungsi Peguam Negara dan Pendakwa Raya bagi memastikan integriti sistem keadilan negara serta mengelakkan campur tangan eksekutif dalam proses pendakwaan. Sesi ini menampilkan Puan Maha Balakrishnan (UNSDSN), Encik Pushpan Murugiyah (C4 Center) dan Encik Muhammad Faisal Abdul Aziz (BERSIH) sebagai panelis, dengan Dr. Ikmal Hisham Mohd Tah (UiTM) sebagai moderator.



Hasil perbincangan tersebut, sidang meja bulat menyokong pindaan Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan bagi menghadkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada maksimum 10 tahun sebagai langkah memperkukuh prinsip semak dan imbang serta memastikan peralihan kepimpinan yang lebih teratur dalam sistem demokrasi. Sidang juga menyokong pemisahan fungsi Peguam Negara dan Pendakwa Raya bagi menjamin kebebasan institusi keadilan, termasuk pelantikan Pendakwa Raya secara telus dan berasaskan merit melalui mekanisme semak dan imbang yang berkesan.



WADAH merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua panelis, moderator dan peserta yang telah menyumbang buah fikiran yang bernilai. Diharapkan dapatan daripada diskusi ini dapat menjadi pemangkin kepada usaha memperkukuh demokrasi, meningkatkan ketelusan tadbir urus serta membina Malaysia yang lebih kuat, adil dan berintegriti.

ASATIZAH MUDA PERLU TEROKAI ERA BAHARU DAKWAH, TEGAS PRESIDEN WADAH DI HAMKA 2026

KUALA LUMPUR, 24 Februari 2026 – Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman menegaskan bahawa masa depan syiar Islam di Malaysia bergantung kepada keupayaan generasi muda asatizah mengimbangi tradisi keilmuan Islam dengan tuntutan dunia moden yang semakin kompleks. Perkara tersebut disampaikan dalam sesi ucpatama beliau sempena Himpunan Asatizah Muda Kebangsaan (HAMKA) 2026 yang berlangsung di Masjid Wilayah Persekutuan.

Program anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) itu telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dr. Zulkifli Hasan. Himpunan tersebut menghimpunkan para asatizah muda dari seluruh negara bagi memperkukuh peranan mereka sebagai agen pencerdasan umat dalam mendepani cabaran semasa.



USRAH GABUNGAN & IFTAR PERKUKUH UKHUWAH GERAKAN DAKWAH

KUALA LUMPUR, 25 FEBRUARI 2026 - Program Usrah Gabungan dan Iftar Jamaie anjuran WADAH Wilayah Persekutuan telah berlangsung di Outreach Oasis Bukit Bintang, menghimpunkan warga Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Persatuan Pelajar Islam Wilayah Persekutuan (PPIWP) dalam suasana ukhuwah

Ramadan.

Program dimulakan dengan tahlil, diikuti iftar serta solat Maghrib, Isyak dan Tarawih berjemaah. Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, turut menyampaikan perkongsian mengenai kepentingan kesatuan saf dakwah dan pemerksaan generasi muda dalam menghadapi cabaran semasa.



FORUM PERADABAN & IFTAR YADIM HIMPUNKAN LEBIH 400 WAKIL NGO

PUTRAJAYA, 26 FEBRUARI 2026 - Lebih 400 wakil pertubuhan masyarakat sivil menghadiri Forum Peradaban dan Majlis Iftar Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) di Masjid Putra, sekali gus mencerminkan semangat kebersamaan dalam kalangan NGO Islam di negara ini.

Program dimulakan dengan Forum Peradaban bertajuk "Membangun Adab, Membina Negara" yang menampilkan panel pelbagai agama termasuk Ustaz Azlan Shah Nabees Khan, Encik Thai Ming Yeow, Reverend Dato' Jonathan Jesudas dan Dr. Thurai Chantheran, yang membincangkan peranan adab serta dialog antara agama dalam membina masyarakat harmoni.

Turut hadir mewakili Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) ialah Penolong Setiausaha Agung, Encik Khairul Arifin bin Mohd Munir, bersama ratusan rakan NGO lain yang menjadikan majlis ini sebagai platform memperkukuh jaringan kerjasama masyarakat sivil.



WADAH SERTAI KONVENSYEN RAKAN STRATEGIK DAKWAH WILAYAH PERSEKUTUAN 2026

KUALA LUMPUR, 26 FEBRUARI 2026 - Wakil daripada Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) telah menghadiri Konvensyen Rakan Strategik Dakwah Bersama NGO Islam & Sukarelawan Dakwah (SUDI) Peringkat Wilayah Persekutuan 2026 yang berlangsung di Masjid Wilayah Persekutuan.

Konvensyen yang diadakan dari jam 10:30 pagi hingga 4:30 petang itu menghimpunkan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam serta sukarelawan dakwah bagi memperkukuh jaringan kerjasama strategik dalam memperkasa gerakan dakwah di Wilayah Persekutuan.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, yang dalam ucapan perasmianya menekankan kepentingan sinergi antara agensi kerajaan, NGO Islam dan sukarelawan dakwah bagi memastikan usaha dakwah terus relevan, inklusif serta memberi impak positif kepada masyarakat.



WADAH PERKUKUH UKHUWAH MELALUI MAJLIS IFTAR JAMAIE WADAH-ABIM- PKPIM

KAJANG, 28 FEBRUARI 2026 - Majlis Iftar Jamaie anjuran WADAH, ABIM dan PKPIM bersama Persatuan Saudara Baru Al-Kauthar telah berjaya menghimpunkan lebih 700 peserta termasuk pimpinan, ahli dan generasi pelapis gerakan masyarakat madani.



Majlis dirasmikan oleh Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sabah dan Sarawak). Turut hadir ialah H.E. Valiollah Mohammadi Nasrabadi, Duta Besar Republik Islam Iran; Datuk Mustaffa Kamil Ayub; serta YBhg. Prof. Datuk Dr. Hasan Bahrom.



Program dimulakan dengan kehadiran tetamu pada jam 5:30 petang, diikuti bacaan tahlil dan Al-Quran oleh wakil Persatuan Saudara Baru Al-Kauthar. Ucapan aluan disampaikan oleh Ustaz Ahmad Shukri Yusoff, Pengerusi Persatuan Saudara Baru Al-Kauthar, diikuti dengan Taujih & Amanat Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam Ab Rahman.



Peserta kemudian mendengar taklimat Dana Hartanah KBI sebelum berbuka puasa bersama pada jam 7:28 malam. Sesi solat Maghrib dan Isyak berjemaah serta solat sunat Tarawih dilaksanakan diikuti Bicara Ramadan oleh Ustaz Ahmad Shukri Yusoff. Program diakhiri dengan jamuan moreh dan peserta bergerak ke Masjid Al-Umm, Seksyen 1, Bandar Baru Bangi untuk sesi MABIT.





Majlis ini menjadi medan mempererat silaturrahim antara pimpinan dan ahli serta memupuk semangat Ramadan yang menyatukan hati dalam perjuangan gerakan Islam dan masyarakat madani.

WADAH SANTUNI ASNAN MELALUI PEMBERIAN PEK CERIA RAMADAN DI SUNGAI MERAB

SUNGAI MERAB, 28 FEBRUARI 2026 - Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) telah menganjurkan program Pemberian Pek Ceria Ramadan yang berlangsung di Masjid Al-Istiqamah Kampung Sungai Merab sebagai usaha menyantuni masyarakat setempat menjelang Ramadan. Program ini memberi manfaat kepada 30 orang penerima yang terdiri daripada golongan memerlukan di sekitar Kampung Sungai Merab.

**JOM DAFTAR
AHLI WADAH**

**SCAN UNTUK
SUMBANGAN**

**PERSATUAN WADAH
PENCERDASAN UMAT MSIA**



ISU PENGLIBATAN PENSYARAH UNIVERSITI MALAYA (UM) DALAM PERTUBUHAN FREEMASON: WADAH DESAK SIASATAN SEGERA DAN TINDAKAN TEGAS

12 FEBRUARI 2026

WADAH merujuk kepada laporan dan dakwaan yang tular baru-baru ini mengenai penglibatan seorang tenaga akademik di Universiti Malaya (UM) dalam pertubuhan Freemason. Perkara ini bukan sahaja menimbulkan kegusaran dalam kalangan masyarakat, malah dianggap sebagai satu perbuatan yang mencabar sensitiviti umat Islam dan merosakkan integriti institusi pendidikan tinggi negara.

Umum mengetahui bahawa Freemason mempunyai sejarah panjang yang dikaitkan dengan gerakan rahsia yang membawa agenda bertentangan dengan nilai-nilai agama dan kedaulatan sesebuah negara. Fatwa di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (termasuk Al-Azhar) telah lama menegaskan bahawa ideologi Freemasonry adalah bercanggah dengan akidah Islam kerana matlamatnya yang kabur serta hubung kaitnya dengan gerakan Zionisme antarabangsa.

Sebagai institusi menara gading yang menjadi kebanggaan negara, UM tidak sepatutnya membiarkan imejnya tercalar dengan dakwah atau keahlian kakitangannya dalam pertubuhan yang meragukan.

WADAH mendesak pengurusan tertinggi Universiti Malaya untuk melakukan siasatan dalaman secara menyeluruh terhadap dakwaan tersebut. Sekiranya terbukti benar, tindakan tatatertib yang tegas perlu diambil bagi memastikan pengaruh luar yang merosakkan tidak meresap ke dalam pemikiran mahasiswa.

WADAH turut menggesa pihak Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Tinggi serta Jabatan Agama Islam (JAKIM/JAWI) untuk:



- Mengambil tindakan secara serius sebarang aktiviti kumpulan ini yang cuba menyusup masuk ke dalam institusi awam.
- Mengambil tindakan perundangan di bawah peruntukan sedia ada sekiranya aktiviti tersebut didapati menggugat ketenteraman awam atau menghina kesucian agama Islam sebagai Agama Persekutuan.

“Pendidikan negara mestilah berpaksikan acuan nilai yang murni. Kita tidak boleh berkompromi dengan mana-mana gerakan yang mempunyai agenda tersembunyi untuk merosakkan tatanan sosial dan pegangan agama rakyat Malaysia.”

WADAH akan terus konsisten memantau perkembangan isu ini demi memastikan kedaulatan agama dan keutuhan institusi pendidikan kita terus terpelihara.

TUAN HAJI AZIZUDDIN AHMAD
Setiausaha Agung
Wadah Pencerdasan Umat Malaysia

REFORMASI SEJARAH TANDA NEGARA SEMAKIN MATANG: WADAH SERU AHLI PARLIMEN SOKONG SEPENUHNYA RUU HAD TEMPOH PM DAN RUU PEGUAM NEGARA

24 FEBRUARI 2026

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan sokongan padu terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim serta Kerajaan MADANI atas keberanian dan iltizam politik melaksanakan reformasi perlembagaan yang bersejarah melalui pembentangan dua Rang Undang-Undang (RUU) penting di Parlimen, iaitu:

- **RUU Perlembagaan (Pindaan) 2026** – untuk menghadkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada 10 tahun; dan
- **RUU Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2026** – untuk mengasingkan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya.

WADAH berpandangan bahawa kedua-dua pindaan ini merupakan lonjakan besar ke hadapan dalam usaha mengukuhkan institusi demokrasi negara, memastikan pengimbangan kuasa yang lebih sihat, serta mengembalikan keyakinan rakyat terhadap sistem pentadbiran dan keadilan di Malaysia.

Memperkasa Tadbir Urus Negara. Had tempoh jawatan Perdana Menteri selama 10 tahun adalah mekanisme penting untuk mengelakkan pemusatan kuasa yang berlebihan. Ia membolehkan kepimpinan negara disegarkan secara berkala, menggalakkan persaingan sihat dalam politik, dan memastikan tampuk pemerintahan tidak menjadi "milik peribadi" mana-mana individu atau kelompok.

Menjamin Keadilan Sejati. Pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya adalah reformasi yang telah lama dituntut oleh pecinta keadilan. Dengan memisahkan fungsi nasihat undang-undang kepada kerajaan (Peguam Negara) daripada fungsi pendakwaan (Pendakwa Raya), kita dapat menamatkan persepsi konflik kepentingan dan "pendakwaan terpilih". Pendakwa Raya yang bebas daripada pengaruh eksekutif akan memastikan setiap rakyat diadili secara adil dan saksama di sisi undang-undang.

Negara Akan Lebih Kuat dan Berintegriti. Reformasi ini bukan sekadar perubahan prosedur, tetapi adalah asas kepada pembinaan negara bangsa yang kuat, matang, dan berintegriti. Apabila institusi-institusi utama

negara berfungsi dengan telus dan profesional, keyakinan pelabur dan masyarakat antarabangsa akan meningkat, sekaligus memacu kestabilan dan kemakmuran negara.

Seruan Kepada Semua Ahli Parlimen

WADAH dengan ini menyeru semua Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik, untuk meletakkan kepentingan negara mengatasi kepentingan peribadi atau parti. Undilah dengan penuh rasa tanggungjawab untuk meluluskan kedua-dua RUU ini.

WADAH percaya, dengan kelulusan RUU ini, negara kita akan menjadi lebih kuat, sistem pentadbiran lebih telus, dan institusi kehakiman lebih berintegriti. Reformasi ini adalah bukti bahawa Malaysia mampu berubah dan menjadi model negara demokrasi Islam yang progresif.

Sekali lagi, WADAH merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri dan seluruh jentera Kerajaan MADANI atas keberanian membawa perubahan besar ini. Semoga Allah SWT memberkati usaha murni ini demi masa depan Malaysia yang lebih gemilang.

**"REFORMASI UNTUK
INTEGRITI, DEMI MALAYSIA
YANG LEBIH KUAT"**

**TUAN HAJI AZIZUDDIN
AHMAD**

Setiausaha Agung
Wadah Pencerdasan Umat
Malaysia



Kenyataan Akhbar



25 FEBRUARI 2026

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) mengesakan sekeras-kerasnya perbuatan menghina Islam melalui tindakan memijak al-Quran yang tular baru-baru ini. Perbuatan ini merupakan satu provokasi keji yang mencederakan kesucian agama Islam, melukai perasaan umat Islam, serta berpotensi menggugat keharmonian dan ketenteraman awam dalam masyarakat majmuk negara ini.

Bagi Wadah, Al-Quran adalah kitab suci umat Islam yang dimuliakan, menjadi sumber petunjuk, nilai, dan akhlak bagi lebih satu bilion umat Islam di seluruh dunia. Tindakan menghina al-Quran bukan sahaja mencerminkan sikap tidak bertanggungjawab dan kebencian beragama, malah bertentangan dengan prinsip saling menghormati yang menjadi asas perpaduan nasional.

Sehubungan itu, WADAH menegaskan beberapa pendirian berikut:

1 Kecaman Tegass

WADAH mengutuk keras sebarang bentuk penghinaan terhadap mana-mana agama, khususnya Islam. Tindakan memijak al-Quran adalah satu bentuk kebencian beragama (religious hatred) yang tidak boleh diterima dalam masyarakat bertamadun.

PERBUATAN MEMIJAK AL-QURAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB

2 Tindakan Undang-Undang

WADAH menggesa pihak berkuasa agar menjalankan siasatan menyeluruh, telus dan tegas, serta mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya terhadap individu atau pihak yang terlibat, selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada bagi menjamin keadilan dan ketenteraman awam.

3 Menolak Provokasi dan Keganasan

WADAH menyeru umat Islam agar bertenang, tidak terperangkap dengan provokasi, serta menangani isu ini secara berhemah, berlandaskan kebijaksanaan, kesabaran dan saluran undang-undang. Tindak balas yang emosional dan melampaui batas hanya akan merugikan semua pihak.

4 Memperkukuh Pendidikan dan Dialog

WADAH menekankan kepentingan pendidikan berteraskan kefahaman agama, literasi antara agama, serta dialog yang membina bagi memupuk sikap saling menghormati dan menolak budaya kebencian.

5 Menjaga Keharmonian Negara

WADAH menyeru semua pihak rakyat, pemimpin masyarakat, media dan penggiat media sosial agar bertanggungjawab dalam menyampaikan maklumat, tidak menyebarkan kandungan yang boleh mengapi-apikan sentimen, serta bersama-sama memelihara keharmonian dan perpaduan negara.

WADAH menegaskan bahawa kebebasan bersuara tidak boleh dijadikan alasan untuk menghina agama dan mencetuskan kebencian. Hormatilah kesucian agama dan nilai kemanusiaan demi keamanan, keharmonian dan masa depan negara yang sejahtera.

USTAZ HASRI HARUN

Timbalan Presiden

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)

SEMINAR PENUAAN SEJAHTERA

PROGRAM PEMERKASAAN AKTIVITI WARGA EMAS PAWE@3A (ANYTIME, ANYWHERE, ANYPLACE), JABATAN KEBAJIKAN MALAYSIA

BANGI, 5 FEBRUARI 2026 - SALWA Malaysia, Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) dan Fakulti Undang-Undang UKM dan Klinik Literasi dan Bantuan Guaman UKM telah menganjurkan Seminar Penuaan Sejahtera pada 05 Februari 2026 (Khamis) di Auditorium, Bangunan Mahkamah Mut, Fakulti Undang-Undang UKM.

Seminar telah dirasmikan oleh Prof. Emeritus Dato' Dr. Aishah Bidin (Profesor Emeritus, Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia)

Panel jemputan kali ini adalah Prof. Dr. Nor Zuraida Zainal (Pakar Perunding Psikiatri, PPUM), Puan Rohana Mukahar (Ketua Jabatan Pemulihan Perubatan, Hospital Canselor Tuanku Mukhriz), Puan Fareha Anis Mohd Taib (Eksekutif Kanan Jabatan Pendidikan Kewangan Isi Rumah, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, AKPK), Prof. Emeritus Dato' Noor Aziah Mohd Awal (Profesor Emeritus, Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia). Seramai 160 peserta terdiri daripada warga emas, NGO, serta agensi kerajaan telah hadir.

Penceramah telah berkongsi tentang persiapan menuju usia emas dan kepentingan penjagaan pemakanan, persiapan kewangan, penjagaan kesihatan fizikal dan mental. Turut diketengahkan adalah penjagaan emosi, keselamatan, demensia dan risiko jatuh di kalangan warga emas.



سَلْوَا
SALWA

BERITA
SALWA



KULIAH ILMU INTERAKTIF

**TERAPI MINDA DAN PENJAGAAN DI USIA EMAS
PROGRAM PEMERKASAAN AKTIVITI WARGA
EMAS PAWE@3A (ANYTIME, ANYWHERE,
ANYPLACE)**

KUALA LUMPUR, 7 FEBRUARI 2026 - SALWA Malaysia, Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) dan Masjid Salahuddin Al-Ayubbi Taman Melati, Kuala Lumpur telah menganjurkan Kuliah Ilmu Interaktif: Terapi Minda Hindari Nyanyuk Menjelang Usia Emas pada 07 Februari 2026 (Sabtu) di Masjid Salahuddin Al-Ayyubi Taman Melati, Kuala Lumpur.

Panel kuliah ialah Dr. Norazam Harun (Pakar Perunding Psikiatri & Ketua Jabatan Psikiatri, Hospital Kuala Lumpur) dan moderator adalah Prof. Dr. Nor Zuraida Zainal (Timbalan Pengerusi SALWA). Peserta adalah seramai 200 orang daripada komuniti setempat kalangan warga emas, jawatankuasa masjid dan wakil NGO.

Penceramah telah berkongsi tentang kepentingan penjagaan kesihatan fizikal dan mental, amalan gaya hidup sihat dan membantu warga emas memahami cara menjaga diri dengan lebih baik dan selamat.



HARI SAHABAT WARGA EMAS

**PROGRAM PEMERKASAAN AKTIVITI
WARGA EMAS PAWE@3A (ANYTIME,
ANYWHERE, ANYPLACE)**

SHAH ALAM, 10 FEBRUARI 2026 - SALWA Malaysia, Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Negeri Selangor) telah menganjurkan Hari Sahabat Warga Emas pada 10 Februari 2026 (Selasa) di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Panel program ialah Ustaz Zul Ramli M. Razali (Pendakwah) dan Dr. Hanisah Dato Dr. Hassan (Pensyarah Perubatan, Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Universiti Sains Islam Malaysia). Dihadiri seramai 142 orang peserta terdiri daripada kalangan warga emas dan kariah masjid.



**USRAH & KULIAH
INTERAKTIF
TERAS JERNANG**

TERAS JERNANG, 13 FEBRUARI 2026 - SALWA Malaysia telah menganjurkan usrah dan kelas pengajian di rumah pada 13 Februari 2026 (Jumaat) bagi mengukuhkan kejiranan dan menyegarkan dakwah dan tarbiyah. Ustaz Haji Afifi Ahmad (Pendakwah Bebas) telah dijemput sebagai pengkuliah. Usrah dihadiri oleh seramai 40 peserta terdiri daripada warga emas dan muslimat Teras Jernang.

